




H/m
9/7/2015
M/S 12

Bayi dipotong ibu di Jitra



GRAFIK HARIAN METRO SALIM DAMAR

Maut lori rempuh belakang treler

Rembau: Seorang kelindan maut apabila lori dinaiki merempuh belakang sebuah treler di Kilometer 226 Lebuh-
raya Utara Selatan (PLUS) arah selatan berhampiran Plaza Tol Pedas Linggi, di sini, malam kelmarin.

Mangsa, Muhammad Amirul Nizam Rasman, 19, yang berasal dari Simpang Renggam, Johor, meninggal dunia di tempat kejadian akibat kecederaan parah di kepala dan badan.

Pemandu lori treler, Mohd Yusuf Abdullah, 41, berkata, dalam kejadian kira-kira jam 9 malam itu, dia dalam perjalanan dari Kuala Lumpur menuju ke Johor dengan membawa muatan bahan kimia seberat 30 tan.

"Saya memandu di lorong kiri dan ternampak cahaya lampu terlalu dekat di belakang sebelum dilanggar de-

ANGGOTA forensik memeriksa tangki najis tempat bayi dibuang di Kampung Manggol, Mukim Malau, Jitra.

Tindakan ibu **terlalu** kejam

■ Penduduk kampung terkejut dengar berita sedih bayi dikerat lapan

Meninggal selepas lahir

“**S**aya marah dan sedih dengan apa yang berlaku kerana tidak sangka kejadian itu berlaku di kampung ini, tambahan pula dekat dengan rumah saya.

“Kalau pun bayi itu sudah tiada, dia tidak sepatutnya diperlakukan seperti itu dan tindakan dilakukan ibunya itu terlalu kejam,” kata Ku Rahman Ku Daie, 69, jiran datuk kepada seorang wanita berusia 31 tahun yang disyaki mengerat bayi perempuannya kepada lapan bahagian di Kampung Manggol, Mukim Malau di sini.

Menurutnya, dia hanya mengetahui kejadian itu, kira-kira jam 6 petang kelmarin selepas melihat ramai anggota polis datang ke ru-

Jitra: Hasil bedah siasat terhadap mayat bayi dikerat lapan yang ditemui dalam tangki najis rumah di Kampung Manggol di sini, kelmarin mendapati mangsa sudah meninggal dunia ketika dilahirkan selain terdapat kesan hirisan daripada objek pipih dan tajam.

Ketua Polis Daerah Kubang Pasu Superintendan Abd Rahim Abdullah berkata, lapan bahagian yang dikerat itu

mah datuk wanita yang disyaki itu.

Katanya, pada mulanya dia menyangka ada kematian dan pergi untuk melihat apa yang berlaku tetapi dihalang anggota polis, kerana bim-

adalah kepala, bahagian depan dada, bahagian tepi dan belakang dada, abdomen, kaki serta tangan.

Katanya, enam bahagian bayi itu ditemui kelmarin manakala dua bahagian iaitu tangan dan kaki kanan ditemui jam 3.30 petang semalam di lokasi sama.

“Pemeriksaan lanjut mendapati bayi itu adalah perempuan dan dua bahagian ditemui itu sudah di-

bang akan menjejaskan siasatan.

“Masa itu saya tidak tahu apa-apa, cuma nampak mereka masuk ke dalam tandas dan periksa tangki najis. Saya juga tidak berani hendak

hantar ke Hospital Sultanah Bahiyah (HSB) Alor Setar untuk pemeriksaan.

“Selepas pemeriksaan mayat bayi itu oleh doktor patologi, kita akan menyemak ujian asid deoksiribonukleik (DNA) bayi itu dengan suspek,” katanya.

Katanya, senjata digunakan untuk mengerat mangsa belum ditemui dan suspek masih menerima rawatan di HSB.

bertanya dengan tuan rumah kerana mereka jarang bergaul dengan penduduk kampung di sini.

“Bagaimanapun, saya hanya mengetahuinya selepas terbaca di akhbar dan me-

nonton berita di televisyen menyebabkan saya terkejut dengan apa yang berlaku,” katanya ketika ditemui di kampung itu, semalam.

Menurutnya, dia tidak mengenali wanita itu tetapi sering ternampak dia bersama ibunya menunggang motosikal di depan rumah kerana hampir setiap hari mereka pulang menziarahi datuknya yang berusia 80-an di rumah itu.

Katanya, perwatakan wanita itu juga lincah selain kurang bergaul dengan penduduk di sini, menyebabkannya kurang dikenali, tambahan dia menetap bersama ibunya di Kampung Binjai, 10 kilometer dari sini.

“Saya tidak tahu yang dia mengandung kerana tiada perubahan pada perutnya, tambahan badannya berisi.

“Saya masih tidak percaya yang dia tergamak melakukan perbuatan itu tambahan di bulan puasa ini,” katanya

lakang sebelum dilanggar dengan kuat,” katanya ketika ditemui di lokasi kejadian.

Menurutnya, dia memberhentikan kenderaannya di lorong kecemasan untuk memeriksa dan mendapati pemandu dan kelindan lori itu di belakangnya tersepit.

“Pemandu lori berusia 40-an meraung meminta tolong. Saya bersama orang awam yang lain membantu mengeluarkan lelaki terbabit yang patah kaki.

“Kami kemudian mengeluarkan kelindan yang pengsan tetapi dia disahkan meninggal dunia,” katanya.

Mohd Yusuf berkata, mangsa mengalami kecederaan parah di kepala dan badan selain kedua-dua kakinya hancur akibat tersepit.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Rembau Deputy Superintendan Ibrahim Sharif berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.